



Good food, Good life

### **TERMA DAN SYARAT**

#### **A. Jadual bagi Syarat Penyertaan**

1. <b><u>Penganjur:</u></b>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966).
2. <b><u>Promosi:</u></b>	PERADUAN NESTLÉ KitKat CHUNKY BREAK & PLAY DI MYNEWS.
3. <b><u>Tempoh Promosi:</u></b>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 03/10/2023 dan ditutup jam 23:59:59 pada 27/11/2023.
4. <b><u>Kelayakan:</u></b>	Promosi ini dibuka kepada semua individu penduduk Malaysia yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dengan dokumen pengenalan yang sah dan beralamat rumah di Malaysia. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.
5. <b><u>Produk Turut Serta:</u></b>	Tersenarai di bawah adalah produk turut serta NESTLÉ KitKat CHUNKY (“Produk”): <ol style="list-style-type: none"><li>KitKat CHUNKY Milk Chocolate;</li><li>KitKat CHUNKY Milk Chocolate (3 pek);</li><li>KitKat CHUNKY Cookies &amp; Cream; dan</li><li>KitKat CHUNKY Raisin &amp; Cookie.</li></ol>
6. <b><u>Kaedah Penyertaan:</u></b>	<ol style="list-style-type: none"><li>Untuk menyertai Promosi ini, beli minima dua (2) mana-mana Produk dalam satu resit tunggal dari mana-mana outlet MYNEWS (“Resit”) semasa Tempoh Promosi.</li><li><b><u>Resit Outlet:</u></b><ol style="list-style-type: none"><li>Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem <i>point-of-sale</i> outlet MYNEWS. Resit mesti mengandungi nama dan/atau logo outlet MYNEWS di mana pembelian dibuat.</li><li>Resit juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian Produk, nombor resit dan nama dan/atau logo outlet (“Butiran Resit”).</li></ol></li><li>Kaedah penyerahan Peraduan adalah melalui <u>Laman Web Promosi</u> sahaja. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang mereka inginkan tetapi <b>setiap Resit unik HANYA layak untuk satu (1) penyerahan penyertaan</b>. Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Resit dengan butiran yang tidak lengkap dan/atau dicetak semula, berulang, tidak boleh dibaca, Resit yang tidak jelas dan/atau rosak tanpa sebarang notis lanjut kepada Peserta.</li><li>Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri mengikut jumlah pembelian seperti yang dinyatakan dalam Resit yang dihantar. Untuk pembelian setiap dua</li></ol>

	<p>(2) Produk, Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri, maksima sehingga sepuluh (10) nombor bersiri untuk setiap resit. Sebarang baki jumlah akan dilucutkan sebaik sahaja nombor bersiri maksima bagi setiap Resit telah diperuntukkan.</p> <p><u>Contoh:</u></p> <p>Jika anda membeli 2 (dua) Produk dalam satu Resit semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri.</p> <p>Jika anda membeli 24 (dua puluh empat) Produk dalam satu Resit semasa Tempoh Promosi, Penganjur akan memperuntukkan sepuluh (10) nombor bersiri.</p> <p>e. <u>Penyerahan Penyertaan melalui Laman Web Promosi:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Layari Laman Web Promosi di: <a href="https://nestlemalaysia.qualifioapp.com/quiz/1276204_2862/Peraduan-KitKatChunky-BreakAndPlay_myNEWS.html">https://nestlemalaysia.qualifioapp.com/quiz/1276204_2862/Peraduan-KitKatChunky-BreakAndPlay_myNEWS.html</a> atau imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi di outlet yang turut serta dan lengkapkan Borang Laman Web.</li> <li>ii. Isikan semua butiran peribadi yang diperlukan ("Butiran Peribadi") termasuk nombor mudah alih berdaftar Malaysia yang serasi dengan WhatsApp untuk komunikasi selanjutnya.</li> <li>iii. Tangkap satu (1) gambar/imej yang jelas dan boleh dibaca dalam format jpg atau jpeg atau png ("Imej") Resit lengkap dengan butiran yang diperlukan.</li> <li>iv. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Resit sahaja dan fail Imej mestilah kurang daripada 5MB.</li> <li>v. Muat naik Imej pada Borang Web Peraduan dan klik 'hantar' ("Penyertaan").</li> <li>vi. Penganjur akan auto-balas dengan menghantar laporan perakuan penerimaan penyertaan untuk setiap Penyertaan yang diterima.</li> </ul> <p>f. Penganjur akan mengekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk proses selanjutnya, pengesahan dan kelayakan. Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Penyertaan dengan Butiran Peribadi yang tidak lengkap, Imej yang tidak jelas dan/atau tidak boleh dibaca dan/atau Imej yang mengandungi lebih daripada satu (1) Resit. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa sebarang notis lanjut kepada Peserta.</p> <p>g. Penganjur berhak untuk meminta salinan cetak Resit sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Resit apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan hadiah.</p>
7. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u>	Semua penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 27/11/2023. Semua penyertaan Promosi yang diterima di luar Tempoh Promosi yang berkenaan akan dibatalkan secara automatik.
8. <u>Hadiah Mingguan:</u>	<p>a. Terdapat sejumlah empat (4) Hadiah Mingguan berupa satu (1) e-baucar Grab RM50 untuk dimenangi setiap minggu selama lapan (8) minggu berturut-turut.</p>

	<p>b. Terdapat sejumlah tiga puluh dua (32) Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>c. Kumpulan penyertaan adalah berdasarkan tarikh penyerahan dan lapan (8) tempoh mingguan adalah seperti di bawah:</p> <table border="0"> <tr> <td>Minggu 1: 03/10/2023 – 09/10/2023</td><td>Minggu 2: 10/10/2023 – 16/10/2023</td></tr> <tr> <td>Minggu 3: 17/10/2023 – 23/10/2023</td><td>Minggu 4: 24/10/2023 – 30/10/2023</td></tr> <tr> <td>Minggu 5: 31/10/2023 – 06/11/2023</td><td>Minggu 6: 07/11/2023 – 13/11/2023</td></tr> <tr> <td>Minggu 7: 14/11/2023 – 20/11/2023</td><td>Minggu 8: 21/11/2023 – 27/11/2023</td></tr> </table>	Minggu 1: 03/10/2023 – 09/10/2023	Minggu 2: 10/10/2023 – 16/10/2023	Minggu 3: 17/10/2023 – 23/10/2023	Minggu 4: 24/10/2023 – 30/10/2023	Minggu 5: 31/10/2023 – 06/11/2023	Minggu 6: 07/11/2023 – 13/11/2023	Minggu 7: 14/11/2023 – 20/11/2023	Minggu 8: 21/11/2023 – 27/11/2023
Minggu 1: 03/10/2023 – 09/10/2023	Minggu 2: 10/10/2023 – 16/10/2023								
Minggu 3: 17/10/2023 – 23/10/2023	Minggu 4: 24/10/2023 – 30/10/2023								
Minggu 5: 31/10/2023 – 06/11/2023	Minggu 6: 07/11/2023 – 13/11/2023								
Minggu 7: 14/11/2023 – 20/11/2023	Minggu 8: 21/11/2023 – 27/11/2023								
9. <u><b>Maklumat Pengadilan – Hadiah Mingguan:</b></u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Mingguan, Pengadilan akan menyusun kira Penyertaan yang diterima dan memperuntukkan nombor bersiri, maksima sehingga sepuluh (10) nombor bersiri, bagi setiap Penyertaan yang diterima dan diluluskan oleh Pengadilan sebagai Penyertaan yang berjaya setiap minggu, mengikut jadual mingguan mengikut jumlah yang dibeli seperti yang dinyatakan dalam Resit yang dikemukakan (setiap satu dan secara kolektif “Penyertaan Layak”). Satu set nombor bersiri akan diperuntukkan bagi Penyertaan Layak bermula dengan nombor bersiri “1”.</p> <p>b. Setiap minggu nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak (“Jumlah Penyertaan Layak Mingguan”). Andainya Jumlah Penyertaan Layak Mingguan bagi minggu tersebut ialah <b>203</b>, Pengadilan akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut:</p> <p>i. <b>Pemilihan empat (4) Finalis Hadiah Mingguan:</b> <math>203 \div 4 = 50.75</math>. Oleh sebab pembahagian 203 dengan 4 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 50.75 akan dibundarkan ke bawah kepada <b>50</b>. 4 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih: 50*, 100*, 150* dan 200 (*contoh pengiraan: <u>50</u>, <u>50+50=100</u>, <u>100+50=150</u>).</p>								
10. <u><b>Hadiah Bulanan:</b></u>	<p>a. Terdapat lima (5) Hadiah Bulanan untuk dimenangi setiap bulan selama dua (2) bulan berturut-turut yang terdiri dari:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Dua (2) Hadiah Utama Bulanan berupa satu (1) Kerusi Gaming Secretlab TITAN Evo setiap satu.</li> <li>ii. Tiga (3) Hadiah Kedua Bulanan berupa satu (1) Keyboard Razer Deathstalker V2 setiap satu.</li> </ul> <p>b. Terdapat sejumlah sepuluh (10) Hadiah Bulanan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>c. Kumpulan penyertaan adalah berdasarkan tarikh penyerahan dan dua (2) tempoh bulanan adalah seperti di bawah:</p> <p>Bulan 1: 03/10/2023 – 31/10/2023  Bulan 2: 01/11/2023 – 27/11/2023</p>								
11. <u><b>Maklumat Pengadilan –</b></u>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Bulanan, semua Penyertaan Layak yang dikumpul dan diproses oleh Pengadilan semasa proses</p>								

<b><u>Hadiah Bulanan:</u></b>	<p>pemilihan Finalis mingguan dan sepanjang jadual bulanan akan diperuntukkan secara berasingan satu set nombor bersiri bermula dari nombor bersiri "1".</p> <p>b. Setiap bulan nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak ("Jumlah Penyertaan Layak Bulanan"). Andainya Jumlah Penyertaan Layak Bulanan ialah <b>5501</b>, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan cara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Pemilihan dua (2) Finalis Hadiah Utama Bulanan dan tiga (3) Finalis Hadiah Kedua Bulanan:</b> <math>5501 \div 5 = 1100.20</math>. Oleh sebab pembahagian 5501 dengan 5 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 1100.20 akan dibundarkan ke bawah kepada <b>1100</b>. <ul style="list-style-type: none"> <li>• 2 Peserta pertama dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih sebagai Finalis Hadiah Utama Bulanan: 1100* dan 2200*, dan</li> <li>• 3 Peserta berikut dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri berikut akan dipilih sebagai Finalis Hadiah Kedua Bulanan: 3300*, 4400 dan 5500 (*contoh pengiraan: <u>1100</u>, <u>1100+1100=2200</u>, <u>2200+1100 =3300</u>).</li> </ul> </li> </ul>
12. <b><u>Terma Tambahan:</u></b>	<p>a. Penganjur akan menghubungi semua Finalis terpilih melalui WhatsApp dari <b>6018 388 8909</b> ke nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan dalam mesej WhatsApp akan mengakibatkan pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa juar sebab.</p> <p>b. Setiap Peserta (mengikut nombor pengenalan unik) hanya boleh memenangi di sepanjang Tempoh Promosi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. satu (1) Hadiah Mingguan, dan</li> <li>ii. satu (1) Hadiah Bulanan dengan nilai lebih tinggi.</li> </ul> <p>c. Atas permintaan, semua Pemenang mesti memberikan butiran peribadi mereka kepada Penganjur untuk pemenuhan Hadiah. Semua Hadiah Bulanan akan dihantar melalui kurier ke alamat yang diterima Penganjur dalam Penyertaan Layak, dalam masa 6 – 8 minggu dari tarikh tutup Promosi.</p> <p>d. Semua pautan Hadiah Mingguan e-baucar Grab RM50 akan dihantar melalui WhatsApp dari <b>6018 388 8909</b> ke nombor mudah alih yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak, dalam masa 6 – 8 minggu dari tarikh tutup Promosi.</p> <p>e. Semua Peserta mesti mematuhi terma dan syarat GrabCar Sdn Bhd [Grab] dan pihak yang mengatur dan menyediakan e-baucar Grab. Berikut adalah terma dan syarat Grab:</p>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penggunaan e-baucar Grab tertakluk pada Terma &amp; Syarat GrabCar Sdn Bhd di: <a href="https://www.grab.com/my/terms-policies/transport-delivery-logistics/">https://www.grab.com/my/terms-policies/transport-delivery-logistics/</a> dan Notis Privasi Grab Gifts di: <a href="https://www.grab.com/my/terms-policies/privacy-notice/">https://www.grab.com/my/terms-policies/privacy-notice/</a>.</li> <li>f. Penganjur mengekalkan hak untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan Hadiah yang sama nilai sekiranya Hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia.</li> <li>g. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku pada barang penebusan semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti perbelanjaan perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang terlibat untuk menebus atau mengumpulkan hadiah akan ditanggung oleh pemenang dengan kos mereka sendiri.</li> <li>h. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</li> </ul>
--	---

**Jadual bagi Syarat Penyertaan** ini mesti dibaca bersama dengan **Syarat Penyertaan dan Notis Privasi** yang boleh didapati di: <https://www.dearnestle.com.my/kitkatchunky-break-and-play-mynews>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

#### B: Syarat-syarat Penyertaan

##### 1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang peranggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau

sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).

- 1.3 Keputusan Pengajur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

## **2. Penyertaan Promosi**

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Promosi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Promosi ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Pengajur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Pengajur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

## **3. Kelayakan**

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Pengajur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Promosi ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Pengajur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

## **4. Ketidaklayakan**

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi ini:

- (a) Kakitangan Pengajur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan

- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Promosi ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

## 5. **Perlucutan Kelayakan**

5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:

- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjelaskan, telah atau cuba menjelaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

## 6. **Hadiah**

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserah hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang

untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berasaskan "keadaan seperti sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

## **7. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dirujuk sebagai "Material"), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barang Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

## **8. Hak Milik Harta Intelek**

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Promosi ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

## **9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia"), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit ) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Promosi ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

## **10. Had Liabiliti**

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi ini adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Promosi ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

## **11. Am**

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan promosi) berhubung dengan Promosi ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahanan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Promosi ini tidak akan mempengaruhi atau menjelaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Promosi ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

## **12. Notis Privasi**

- 12.1 Dengan menyertai Promosi, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy/privacy\\_bm](https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm).
- 12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice).

